

Headline	Lari daripada tahanan polis, penghidap HIV dipenjar		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	21 Dec 2016	Color	Black/white
Section	News	Circulation	45,554
Page No	13	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	92 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 298
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 894



Lari daripada tahanan polis, penghidap HIV dipenjar

KUALALUMPUR: Seorang penghidap HIV yang ditahan atas kesalahan dadah dihukum penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam selepas mengaku bersalah melarikan diri daripada tahanan polis.

Majistret Nur A'Minahtul Mardiah Md Nor menjatuhkan hukuman itu terhadap Tay Bee Boon, 48, kerana dengan sengaja melarikan diri daripada jagaan polis di Mahkamah Jalan Duta, di sini, kira-kira jam 5.40 petang, pada 5 Dis lepas.

Mahkamah juga memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh bermula semalam.

Lelaki itu yang ditahan atas kesalahan 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 didakwa mengikut Seksyen 224 Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Menurut fakta kes, sebelum kejadian, pada jam 1.45 petang, 5 Dis lepas, tertuduh dihantar ke lokap utama Mahkamah Jalan Duta selepas kesnya disebut di Mahkamah Majistret di sini.

Bagaimanapun, selepas kesnya selesai, pada jam 5.40 petang, tertuduh tiada di dalam lokap berkenaan dan dia kemudiannya ditahan pada 17 Dis lepas di Jalan Pudu di sini.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam ketika rayuan memberitahu dia menghidapi HIV dan memohon hukuman ringan manakala Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Mohd Ashif memohon hukuman setimpal. — Bernama